

UCAPAN: ADHO

320 - 88/79

225 - 147

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA

PENUAIAN JAGONG DI KAMPONG DAMAI,

KUALA MARUDU, SABAH, PADA HARI

RABU, 28HB. JUN, 1978, JAM

3.30 PETANG.

1. Yang Amat Berhormat Datuk Harris Salleh, *ya*
Ketua Menteri Sabah. *a Hatin Rafiqo.*
Tenaga Rakyat & Alam Sekitar Pembantu
2. Yang Berhormat Menteri ~~Menteri~~ dan ~~Timbalan~~
~~Timbalan Menteri Sabah,~~
Dato Resident. Belia' e Suban.
Pegawai Daerah
3. Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan dan
Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan,
4. Ahli-ahli Koperasi Pembangunan Desa, Sabah,

dan bertasne baik

Saya bersyukur [kehadrat Allah Subhanahu
lagi
Wataala] kerana dapat sekali/melawat Negeri
Sabah, dan seterusnya merasmikan upacara
Penuaian Jagong di Kampong Damai, petang ini.

2. Saya sukalah mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Koperasi Pembangunan Desa, khusus kepada Datuk Harris Salleh, kerana memberi penghormatan ini kepada saya. Inilah pertama kali saya melakukan upacara menuai jagong.

3. Upacara petang ini amatlah besar maknanya, kerana ^{ia} membuktikan kemampuan dan keupayaan serta azam kuat petani-petani, menghasilkan daya pengeluaran dari tanah yang telah dimajukan. Kejayaan ini, memberi gambaran

kapada kita, bahawa hasil, ~~dan~~ titek peluh,
dan tenaga kita berbakti kapada tanah, menda-
tangkan faedah yang bernilai.

4. Sesungguhnya, usaha yang telah dijalankan
dan kejayaan yang telah diperolehi oleh Koperasi
Pembangunan Desa di Kampong Damai ini, hendaklah
menjadi contoh yang baik, yang patut di ikuti
oleh kaum petani seluruhnya. Inilah sebaik-
baik usaha, bagi menambahkan pendapatan yang
boleh meningkatkan taraf ekonomi kita.

5. Dengan bertambahnya kegiatan pertanian yang diselenggarakan oleh Koperasi Pembangunan Desa ini, maka pertumbuhan ekonomi negeri Sabah akan meningkat. Ini akan memberi sumbangan yang baik kepada peningkatan ekonomi negara. Saya harap, supaya banyak lagi rancangan seperti ini diusahakan.

6. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menggalakkan setiap usaha yang boleh meningkatkan daya pengeluaran pertanian, serta memberi segala bantuan kepada petani-petani menyertai ~~serta~~ ^{dan} melibatkan diri, dalam rancangan-rancangan

saperti ini. Inilah satu daripada cara untuk menambahkan pendapatan, dan seterusnya mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat jelata.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Kerajaan Barisan Nasional memang sedar bahawa Sektor Pertanian mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi, iaitu 73.6% dalam tahun 1970 dan 69% dalam tahun 1975. Usaha-usaha telah, sedang dan akan terus dijalankan, bagi mengurangkan keadaan kemiskinan di Sektor Pertanian. Matalamat Kerajaan ialah hendak mengurangkan

kadar kemiskinan dalam sektor pertanian, sekurang-kurangnya ke paras 61% dalam tahun 1980. Bagi menentukan kejayaan sepenuhnya, Kerajaan Barisan Nasional telah menyusun beberapa program-program tertentu. Antaranya ialah, mengadakan kemudahan dan bantuan kepada rakyat jelata, membanyakkan rancangan pembangunan tanah, serta memberi tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah.

8. Program-program ini akan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan tanah, seperti FELDA, FELCRA,

RISDA di Semenanjung Malaysia; Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB) dan Lembaga Pemuliharaan dan Penyelarasan Tanah Sarawak (SALCRA) di Sarawak, dan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDA) di Sabah, serta juga agensi-agensi negeri yang lain. Program-program ini termasuklah pembukaan sekim-sekim tanah belia dan tanah pinggir. Adalah dijangka lebih dari 13 juta ^{correction 1.3} ~~not 13~~ ekar tanah, akan dibuka di seluruh negara, dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Ke Tiga.

9. Program-program ini, bukan sahaja akan memberi tanah kepada rakyat yang tidak

bertanah, tetapi agensi-agensi tersebut akan menjalankan penyelidikan serta pembaharuan, khusus untuk meninggikan pengeluaran. Dengan jalan ini, semua rakyat yang terlibat dapat menikmati pendapatan yang lebih lumayan, serta menikmati keadaan hidup yang lebih baik.

Program-program ini, juga diselaraskan dengan rancangan-rancangan Kerajaan yang lain.

Kemudahan-kemudahan sosial juga dilaksanakan, supaya rakyat diluarbandar dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti yang terdapat di kawasan-kawasan bandar.

10. Pembangunan tanah, yang bertujuan memberi tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah, dan mereka yang mempunyai keluasan tanah yang tidak ekonomik, akan dipergiatkan *lagi*. Disamping menanam getah dan kelapa sawit, agensi-agensi Kerajaan juga ditugaskan untuk meningkatkan usaha mempelbagaikan tanaman secara besar-besaran, seperti tanaman jagong, tebu, koko, nenas, kopi dan lain-lain. Mereka juga bertanggungjawab, menggalakkan kegiatan tambahan tanaman pertanian di ladang-ladang, yang boleh mendatangkan faedah kepada pekerja-pekerja.

11. Bagi mempercepatkan proses pembukaan tanah, Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan telah menubuhkan unit-unit khas di Jabatan Kerja Raya, untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan-jalan, sekolah serta pusat-pusat kesihatan. Dengan adanya keupayaan dan penyelarasan ini, Kerajaan dapatlah memesatkan pengambilan peserta, dan peneroka-peneroka baru ini akan merasa lebih selesa dengan keadaan hidup dalam kawasan baru itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Kerajaan Barisan Nasional juga sedang berusaha dengan sedaya upayanya, menjalankan

kajian-kajian kemungkinan, dalam beberapa kawasan-kawasan besar, supaya corak pembangunan yang sesuai dapat dilaksanakan. Antara kajian-kajian tersebut, ialah Kajian Pembangunan Negeri Kedah/Perlis dan Kajian Kemungkinan Kawasan-kawasan Endau/Rompin. *di Semenanjung Malaysia.*

13. Sebagaimana yang berkali-kali saya jelaskan, bahawa memanglah menjadi hasrat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional, hendak melaksanakan setiap program yang telah dirancang dengan teliti dan mendalam, terutama dalam pembangunan tanah. Inilah matalamat utama Barisan Nasional, dalam

usahanya mengurangkan dan seterusnya menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat kawasan luarbandar.

Kami bersungguh-sungguh menjalankan apa jua dalam bidang kuasa dan keupayaan ^{kami bagi} ~~supaya~~ membolehkan rakyat yang miskin dan golongan yang berpendapatan rendah, menikmati keadaan hidup yang lebih baik.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Setiap negara membangun mestilah menggunakan sumber kekayaan ^{nya} dengan bijak, untuk mencapai kemajuan dan cita-cita rakyat. Memandangkan betapa pentingnya sektor pertanian, Kerajaan berazam meninggikan taraf pembangunan

pertanian

✓ dengan memodenkan sektor/ini, agar pengeluaran nya akan bertambah, dan corak kehidupan rakyat akan dapat diperbaiki. Kerajaan Barisan Nasional sedar, bahawa lima daripada tujuh kumpulan masyarakat yang dianggap miskin bergantung kepada sektor ini, dan segala usaha telah pun dijalankan untuk mengurangkan kemiskinan ini.

15. Bagi memodenkan sektor pertanian keseluruhannya, Kerajaan Barisan Nasional akan terus mengadakan program-program, khusus untuk meninggikan lagi pendapatan petani-petani

di luar bandar. Program-program ini termasuklah mengesan kawasan-kawasan pertanian, untuk dijadikan kawasan pembangunan pertanian berpadu dengan mengadakan:

khidmat-khidmat pertanian, melalui program-program agensi-agensi pertanian; program parit dan taliair, bagi menambahkan lagi pengeluaran penanam-penanam padi, dan menggalakkan tanaman dua kali setahun;

penanaman semula getah, kelapa dan memperbaiki tanaman nenas;

subsidi tanaman bagi mempelbagaikan
tanaman.

16. MARDI dan Jabatan Pertanian, akan memberi khidmat nasihat dan khidmat-khidmat penyelidikan. MAJUTERNAK pula, akan menubuhkan 5 projek ternakan lembu di Johor, Kelantan, Trengganu, Sabah dan Sarawak. Disamping itu, Jabatan Haiwan akan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan asas, bagi mengadakan khidmat nasihat tentang kesihatan ternakan, kepada penternak-penternak kecil, sementara Jabatan Pertanian, Lembaga Persatuan Peladang

dan RISDA, akan memberi khidmat nasihat tentang keadaan-keadaan bantuan dan cara-cara tanaman yang lebih baik, untuk meninggikan lagi pengeluaran.

17. Penyelidikan pertanian adalah bertujuan untuk meninggikan lagi pengeluaran dan pendapatan petani-petani, serta mempelbagaikan pertanian. Agensi utama yang melaksanakan kajian dan penyelidikan di dalam sektor ini ialah MARDI (tanaman), MRRDB, iaitu Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia, dan Institute Penyelidikan Getah (RRI), dan Institute Penyelidikan Perhutanan (FRI).

18. MARDI telah pun mengeluarkan empat jenis padi, dan dua jenis pulut baru yang bermutu. Kemajuan juga telah dicapai di dalam penyelidikan kelapa sawit, ternakan dan buah-buahan. Disamping menekankan penyelidikan di bidang ini, MARDI bersama-sama dengan Institute Penyelidikan Ikan, mengendalikan penyelidikan tentang ikan air tawar dan pembiakan ikan.

19. Penyelidikan getah dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia, bersama-sama dengan Institute Penyelidikan Getah. Hasil daripada penyelidikan

ini, kemajuan telah dicapai di dalam bidang pengurusan ekonomi-tani, dan mengadakan benih-benih yang dapat mengeluarkan hasil yang lebih banyak.

20. Institute Penyelidikan Hutan ^{Selangor,} di Kepong, mengendalikan program penyelidikan mengenai tanaman semula hutan, dan bersama-sama dengan Lembaga Kemajuan Kayu, menjalankan penyelidikan mengenai kegunaan kayu bagi perusahaan-perusahaan di negara ini. Penyelidikan ke arah ini, adalah bagi menentukan kegunaan sumber-sumber kayu optima, dan mengadakan perancangan tanaman

dan tanaman semula perkayuan, yang lebih menguntungkan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

✓ 21. Tiada siapa pun boleh menafikan bahawa, di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, rakyat jelata telah dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesetabilan politik dan keselamatan. Jika rakyat memberi mandat sekali lagi kepada Barisan Nasional, Insya Allah, lebih banyak lagi rancangan pembangunan akan dilaksanakan, terutama di kawasan-kawasan luarbandar dan pendalaman, dan khususnya untuk faedah rakyat miskin dan golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan-tuan dan puam sekelian.

21A.

SEMPENA DENGAN LAWATAN SAYA KE SABAH,
DAN SEBAGAI MENGINGATI UPACARA MERASMIKAN PENUAIAN
JAGONG KOPERASI PEMBANGUNAN DESA DI KAMPONG DAMAI
PETANG INI, SAYA SUKACITA MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN
BARISAN NASIONAL PERSEKUTUAN TELAH BERSETUJU MEMBERI
PERUNTUKAN SEBANYAK \$4.1 JUTA KEPADA NEGERI SABAH,
KERANA MELAKSANAKAN RANCANGAN PENYELENGGARAAN JALAN-
JALAN KAMPONG DI NEGERI INI, DENGAN TUJUAN SUPAYA
RAKYAT DI ~~KAWASAN-KAWASAN~~ LUARBANDAR DAN KAMPONG-
KAMPONG PENDALAMAN, DAPAT MENIKMATI KEMUDAHAN JALANRAYA
YANG LEBIH SEMPURNA LAGI.

21B.

DARI JUMLAH INI, SEBANYAK \$2.1 JUTA IALAH UNTUK
MEMBELI 30 YUNIT TRAKTOR DAN 30 YUNIT VIBRATING ROLLER,
DAN BAKINYA SEBANYAK \$2 JUTA, ADALAH PEMBERIAN SECARA
LANGSUNG TERHADAP PENYELENGGARAAN JALAN-JALAN KAMPONG
ATAS KADAR \$500/- BAGI TIAP-TIAP SATU BATU. ~~PEMBERIAN~~
~~SECARA LANGSUNG INI, AKAN DIPERUNTUKKAN TIAP-TIAP TAHUN,~~

22. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di Kangar, Perlis, semalam, bahawa jika diberi mandat baru, Barisan Nasional akan menubuhkan Kerajaan yang cekap, yang berjiwa rakyat, mengutamakan kepentingan rakyat, dan sungguh-sungguh berminat untuk berkhidmat kepada rakyat. Kami memanglah berhasrat menyumbangkan tenaga dan fikiran bagi membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat, membantu rakyat meninggikan taraf ekonomi mereka, merancang dan memastikan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan yang boleh memberi kemudahan kepada rakyat, membaiki keadaan hidup rakyat

diantaranya petani-petani, pekebun-pekebun kecil, nelayan, pekerja-pekerja, peniaga-peniaga kecil dan penjaja-penjaja.

23. Insya Allah, dengan sokongan dan kerjasama rakyat, dapatlah Barisan Nasional menjayakan semua hasrat dan cita-cita rakyat, yang juga menjadi hasrat dan cita-cita suci kami.

24. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih serta penghargaan, kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini, serta menjayakan lawatan saya ke Sabah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

25. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
merasmikan penuaian jagong Koperasi Pembangunan
Desa Kampung Damai.

Terima kasih.



33

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya
merasmikan penubuhan Jawat Koperasi Pembangunan

Desa Kampung Ganti

Terima kasih



No. Siri	378
No. Penerimaan	42/79